

Lanjutan moratorium individu hilang kerja

BH - 30/11/2020 m/s: 2

Bantuan bersasar turut dilaksana untuk golongan memerlukan

Oleh Mahanum Abdul Aziz, Mohd Iskandar Ibrahim, Alzahrin Alias, Hazwan Faisal Mohamad dan Ilah Hafiz Aziz bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mendengar rintihan rakyat, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengumumkan 'berita melegakan' apabila melanjutkan moratorium tiga bulan bagi individu yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan berikutan impak penularan pandemik COVID-19, manakala yang selebihnya kerajaan akan melaksanakan pendekatan bersasar.

Perdana Menteri berkata, bagi individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun ini dan masih belum mendapat pekerjaan baharu, mereka akan menikmati lanjutan moratorium bayaran balik pinjaman untuk tempoh tiga bulan lagi.

"Selepas tiga bulan, tempoh moratorium boleh dilanjutkan oleh bank bergantung kepada situasi individu masing-masing.

"Ramai berharap agar moratorium ini dilanjutkan, oleh itu saya berbincang dengan Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah dihadapi oleh sebahagian daripada kita yang masih memerlukan bantuan selepas tempoh moratorium berakhir September ini.

"Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa kera-

jaan Perikatan Nasional bersetuju untuk melaksanakan lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar yang lebih berfokus untuk golongan benar-benar memerlukan," katanya ketika pengumuman berkenaan yang disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen RTM, BERNAMA TV, TV3 dan Astro Awani.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan tempoh moratorium enam bulan dari April hingga September 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) sebagai langkah untuk mengurangkan impak daripada pandemik itu.

Lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar itu membatik dua golongan sasar, iaitu individu yang kehilangan pekerjaan dan individu yang masih bekerja, tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan.

Bagi individu yang masih bekerja, tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan akibat COVID-19, pembayaran ansuran bulanan akan dikurangkan selaras dengan kadar pengurangan gaji bergantung kepada jenis pinjaman.

"Contohnya, bagi pinjaman perumahan atau pinjaman peribadi barang ansuran bulanan akan dikurangkan pada kadar yang sama dengan pengurangan gaji bantuan ini adalah untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

"Lanjutan boleh diberikan tertakluk keadaan gaji semasa individu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, selain individu, bank turut memberikan komitmen untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), baik peniaga, penjaja atau mereka yang bekerja sendiri yang turut terkesan akibat COVID-19.

"Bergantung kepada situasi pe-

minjam, bantuan yang ditawarkan termasuk membayar faedah saja untuk suatu jangka masa ditetapkan atau memanjangkan tempoh keseluruhan pinjaman bagi mengurangkan pembayaran balik bulanan.

"Bank turut memberi pelepasan lain sehingga peminjam mencapai kedudukan kewangan yang lebih stabil. Bagi pinjaman sewa beli pula, pihak bank akan turut menawarkan pilihan penjadualan ansuran yang bersesuaian tertakluk kepada Akta Sewa Beli.

"Contohnya, memanjangkan tempoh bayaran balik pada kadar ansuran bulanan yang lebih rendah," kata Perdana Menteri sambil menegaskan ia akan memberikan manfaat kepada lebih tiga juta individu dan PKS.

"Dengan pengumuman ini, saya harap Makkik Kiah, Pak Salleh, Encik Lee, Puan Rani, Encik Douglas dan semua rakyat Malaysia dapat menarik sedikit nafas lega sementara kerajaan dan pihak industri berusaha memulihkan semula ekonomi negara," katanya.

Beliau turut berpesan supaya rakyat menjaga kesihatan dan diri sebaik mungkin kerana COVID-19 masih wujud dalam kalangan masyarakat.

Sejak moratorium diperkenalkan pada 1 April lalu, sejumlah 243,000 PKS atau 95 peratus daripada keseluruhan peminjam PKS menerima manfaat dengan nilai RM20.7 bilion.

Muhyiddin turut menjelaskan sekiranya lebih ramai memerlukan bantuan, institusi perbankan telah memberikan komitmen untuk mempertimbangkan bantuan yang sewajarnya.

Justeru, katanya peminjam yang layak boleh menghubungi bank masing-masing untuk membuat permohonan mulai 7 Ogos ini.

Penganalisis ekonomi menyifatkan lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar sebagai strategi ekonomi untuk melindungi negara daripada berdepan krisis kewangan jika berlaku peningkatan mendadak hutang tidak berbayar (NPL).

Rata-rata ahli ekonomi menyokong langkah itu kerana ia mampu meringankan beban kewangan bagi mereka yang benar-benar terkesan oleh impak COVID-19.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar amat wajar kerana ia mampu mengelakkan bahana ekonomi yang lebih besar berikutan peningkatan individu dan perniagaan yang jatuh muflis kerana tidak mampu menampung segala kos perbelanjaan termasuk membayar hutang kepada bank.

Sementara itu, Presiden Persa-



Dengan pengumuman ini, saya harap Makkik Kiah, Pak Salleh, Encik Lee, Puan Rani, Encik Douglas dan semua rakyat Malaysia dapat menarik sedikit nafas lega sementara kerajaan dan pihak industri berusaha memulihkan semula ekonomi negara.

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

Moratorium Lanjutan

1. Individu hilang pekerjaan pada 2020 dan belum dapat pekerjaan baharu.

Kaedah: Lanjutan tempoh tiga bulan. Selepas tiga bulan, tempoh moratorium boleh dilanjutkan bergantung situasi individu.

Bantuan Bank Bersasar

1. Masih bekerja, tetapi gaji terjejas/berkurangan

Kaedah: Bayaran ansuran bulanan dikurangkan selaras kadar pengurangan gaji, bergantung jenis pinjaman.

2. PKS dan peminjam lain termasuk bekerja sendiri, peniaga dan penjaja

Kaedah: Membayar faedah sahaja untuk jangka masa ditetapkan; Memanjangkan tempoh keseluruhan pinjaman bagi mengurangkan pembayaran balik bulanan; Memberi pelepasan lain sehingga peminjam mencapai kedudukan kewangan lebih stabil.

Ibadat & Fadilat

Daripada Abdullah Umar, Abu Bakar RA berkata: "Muliakanlah Nabi Muhammad SAW dengan memuliakan ahli keluarganya." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:00	1:28	4:48	7:39	8:52
Alor Setar	6:00	1:27	4:48	7:38	8:52
P. Pinang	6:03	1:27	4:48	7:37	8:50
Ipoh	6:02	1:25	4:46	7:34	8:47
Kuala Lumpur	6:01	1:22	4:44	7:30	8:43
Shah Alam	6:01	1:22	4:44	7:30	8:43
Johor Bahru	5:54	1:14	4:36	7:19	8:31
Kuantan	5:55	1:17	4:39	7:23	8:36
Seremban	5:59	1:21	4:42	7:27	8:39
Bandar Melaka	5:59	1:20	4:42	7:26	8:39
Kota Bharu	5:54	1:20	4:41	7:31	8:40
K. Terengganu	5:51	1:16	4:37	7:26	8:39
Kota Kinabalu	5:01	12:24	3:45	6:34	7:48
Kuching	5:29	12:49	4:11	6:54	8:06

tuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Seri Mohamed Fadzill Hassan, berkata keputusan kerajaan itu membantu kontraktor menguruskan kewangan sementara menunggu projek baharu.

Beliau berkata, sementara bantuan sebegini terus diberikan, ketiadaan projek berskala besar terutama projek kerajaan turut menjejaskan operasi kebanyakan kontraktor Bumiputera.

"Justeru, kami memohon kerajaan mempertimbangkan lebih banyak projek berskala sederhana atau besar diberikan kepada kontraktor Bumiputera," katanya.

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pula mencadangkan supaya Bank Negara Malaysia menetapkan satu standard bagi memastikan proses lanjutan moratorium dan bantuan bank ber-

sasar tidak dirumitkan dengan kerena birokrasi.

Presidennya, Adnan Mat, berkata pengumuman Perdana Menteri itu jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan membantu rakyat khususnya mereka dalam kesempatan ketika ini.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula meminta kerajaan melanjutkan moratorium enam bulan kepada keluarga B40 dan M40 secara automatik.

Setiausaha Agungnya, J Solomon, berkata golongan berkenaan tidak seharusnya memohon untuk pelanjutan moratorium kerana mereka adalah golongan paling terkesan akibat COVID-19.

"Golongan ini paling memerlukan lanjutan moratorium lebih panjang kerana kebanyakan mereka kehilangan pekerjaan dan pengurangan gaji," katanya.